

D123

U B876 DEB

MAHATHIR-PELAJARAN

IPOH, 15 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN MENUKARKAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN DI NEGARA INI KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN WALAUPUN ADA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERSABIT DENGANNYA, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN HARI INI.

KATANYA REKOD KERAJAAN MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGGUNAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ITU BAGI MEMAKSA SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN DITUKAR KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN.

SEKALI SAHAJA KATANYA APABILA SEBUAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DI KELANTAN YANG DITUKARKAN MENJADI SEKOLAH KEBANGSAAN TETAPI PENUKARAN ITU ATAS KEHENDAK IBU BAPA MURID-MURID SEKOLAH ITU SENDIRI, KATANYA SEWAKTU MERASMIKAN PAMERAN KOMPUTER DAN FORUM KOMPUTER SAINS SEKOLAH MENENGAH SHEN JAI DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MENYEDARI BAHAWA ADA PIHAK-PIHAK YANG BERASA CURIGA DENGAN SATU PERUNTUKAN DALAM AKTA PELAJARAN BERTUKAR DENGAN PERKARA ITU DAN MEMBERI JAMINAN AKAN MENKKAJI AKTA ITU.

+KERAJAAN AKAN MENKKAJI AKTA ITU SUPAYA PERASAAN WAS-WAS SERTA SANGSI YANG TIMBUL SEKARANG INI DAPAT DIHILANGKAN SAMA SEKALI,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1534MST 15 03 86

D124

U B877 DEB

MAHATHIR-PELAJARAN 2 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MENYEKAT PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN DI NEGARA INI MAHUPUN PENGGUNAAN BAHASA IBUNDA KHUSUSNYA BAHASA CINA DAN TAMIL KERANA NEGARA MEMPUYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM.

WALAUPUN PELBAGAI KETURUNAN, TETAPI SEMUA PENDUDUK ADALAH RAKYAT MALAYSIA YANG MENDIAMI SEBUAH NEGARA DAN MENUMPAHKAN TAAT SETIA KEPADA NEGARA TEMPAT TINGGAL MEREKA.

PENDUDUK NEGARA INI KATANYA HARUS MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA DARIPADA ASAL KETURUNAN BANGSA-BANGSA MELAYU, CINA ATAU INDIA WALAUPUN NENEK MOYANG MEREKA DAHULU DATANG DARI NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI NEGARA YANG MERDEKA, MALAYSIA MENJALANKAN DASAR LIBERAL YANG MEMBENARKAN PENGGUNAAN BAHASA-BAHASA LAIN WALAUPUN BAHASA MALAYSIA MENJADI BAHASA RASMI NEGARA.

KATANYA AMALAN INI JUGA DIBUAT DI NEGARA-NEGARA LAIN SEPerti SEBUAH NEGARA JIRAN YANG MEMPUYAI PEMIMPIN-PEMIMPIN DARIPADA KETURUNAN CINA TETAPI TIDAK MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BAHASA CINA DAN PELAJARAN BAHASA CINA SEBALIKNYA MENGUTAMAKAN BAHASA INGGERIS. -- LAGI.

1536MST 15 03 86

MAHATHIR-PELAJARAN 3 IPOH

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA LANGKAH KERAJAAN MENJADIKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA RASMI ADALAH SUPAYA MASYARAKAT MUDAH BERHUBUNGAN SATU DENGAN YANG LAIN.

SEMASA MENYENTUH PAMERAN KOMPUTER, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGHENDAKI RAKYAT SUPAYA BERUSAHA MENGIKUTI PERKEMBANGAN TEKNOLOGI KOMPUTER AGAR MEREKA DAPAT BERGERAK LEBIH MAJU PADA MASA HADAPAN.

KATANYA MALAYSIA TIDAK HARUS MENJADI NEGARA PEMBELI KOMPUTER SEMATA-MATA TETAPI HARUS MENJADI NEGARA PENGELUAR ALAT ITU.

PERDANA MENTERI BERBANGGA DENGAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH BEBERAPA SEKOLAH DI NEGARA INI YANG MENGAMBIL LANGKAH MEWUJUDKAN PUSAT KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH DAN BEBERAPA PERKARA LAIN.

+SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA SUDAH TERKENAL SEBAGAI SEKOLAH PROGRESIF DAN MENJADI PERINTIS DALAM PELAJARAN BARU DAN KADANG-KADANG MEREKA INI MENDAHULUI KERAJAAN DALAM BIDANG PELAJARAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELULUSKAN BANTUAN KERAJAAN \$100,000 KEPADA SEKOLAH SHEN JAI YANG MERUPAKAN SEKOLAH PERSENDIRIAN. -- BERNAMA.

1538MST 15 03 86